

Aktiviti pembalakan cemari Sungai Besen

JERANTUT 5 Feb. - Kebimbangan penduduk dari empat buah kampung terhadap aktiviti pembalakan di Hutan Lata Besen, di sini mempunyai asas apabila kesan daripada kegiatan itu menyebabkan Sungai Besen yang menjadi kawasan tadahan air dimasuki lumpur akibat hujan lebat kelmarin.

Pengerusi Bantahan Pembalakan Lata Besen, **Mohd. Hafizi Rosnan**, 26, berkata, dia bersama beberapa rakannya yang membuat pementauan mendapati keadaan itu berlaku apabila hujan lebat melanda kawasan Hutan Lata Besen sekali gus mengundang hakisan tanah dan menyebabkan air lumpur mengalir masuk ke sungai dari jalan balak, tebing serta kawasan matau yang dibina pembalok.

"Air berlumpur ini mengalir

masuk ke Sungai Besen yang menjadi sumber alternatif bekalan air ke kampung kami. Kesannya boleh menyebabkan air yang disalurkan ke rumah penduduk berkehadapan," katanya di sini hari ini.



MOHD. HAFIZI ROSNAN

Isnin lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan bantahan penduduk dari Kampung Baharu, Kampung Lata Kasah, Kampung Sungai Badak dan Kampung Binjai di sini tentang pencerobohan hutan di situ yang boleh mengundang masalah terputus bekalan air bukit, hakisan tanah, banjir kilat, gangguan projek ternakan akuakultur serta kemusnahan hutan Lipur Lata Meraung dan Lata Besen.

Dalam pada itu, seorang penternak ikan, **Saifulnizam Sulaiman**, 25, berkata, dia bimbang air ber-

lumpur akan memasuki kawasan kolam ikannya jika hujan lebat berterusan minggu ini.

Katanya, bantahan penduduk terhadap masalah berkenaan bukan cakap kosong tetapi kesannya boleh terus dilihat apabila berlaku hujan lebat.

"Saya tidak tahu bagaimana hendak menyelamatkan spesies ikan air tawar yang diternak jika air lumpur memasuki kolam ternakan," katanya.

Seorang penduduk Orang Asli dari Sungai Kiol, **Ali Libut**, 52, turut melahirkan kebimbangan selepas melihat perkembangan yang berlaku dalam isu berkenaan yang disuarakan penduduk baru-baru ini.

"Orang Asli di sini tahu ada pihak yang berusaha hendak mengeluarkan balak berdekatan kampung kami dan tempiasnya berkemungkinan berlaku pencemaran air serta mengancam khazanah hutan," katanya.



SEORANG penduduk dalam hujan lebat menunjukkan air lumpur dari kawasan hakisan projek pembalakan mengalir ke Sungai Besen di Hutan Lata Besen, Kampung Baharu, Jerantut, Pahang, semalam. - **UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**